

**MAIWP mahu lupus 70 penghawa dingin baik**  
**Malaysiakini.com**  
**October 26, 2010**

Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bercadang melupuskan 70 unit penghawa dingin walaupun ia masih berfungsi dengan baik, demikian menurut Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009.

Malah, menurut laporan itu lagi, sebanyak 14 unit telah digunakan oleh syarikat subsidiarinya Anggun Mulia Sdn Bhd yang menduduki sebahagian bangunannya sejak April 2009.

"Sebanyak 70 unit alat penghawa dingin yang diperolehi pada tahun 2007 dan 2008 yang hendak dilupuskan tiada disenaraikan dalam Laporan Lembaga Pemeriksa tetapi pihak pengurusan MAIWP telah mencadangkannya untuk pelupusan," laporan itu dipetik.

Selain itu, semasa perpindahan ibu pejabat MAIWP daripada Wisma Baitulmal ke Bangunan Perkim pada Februari 2008, sebanyak 348 aset alih bernilai RM136,265 seperti kelengkapan pejabat, perabot dan penghawa dingin ditinggalkan.

Ekoran itu, lembaga pemeriksa mencadangkan aset itu dilupuskan secara hadiah kepada Anggun Mulia atau ke bahagian lain yang memerlukan atau dimusnahkan.

Menurut laporan itu, lawatan audit pada Oktober tahun lalu mendapati aset alih berkaitan masih dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

"Pada pandangan audit, MAIWP perlu memastikan proses pelupusan dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dengan melengkapkan rekod yang berkaitan supaya tindakan pelupusan dapat dilaksanakan dengan segera.

"Pemeriksaan tahunan secara menyeluruh hendaklah dilakukan untuk memastikan semua aset dalam keadaan baik dan mengenal pasti aset yang rosak dan usang untuk tujuan pelupusan," laporan itu dipetik.

Penemuan lain yang dinyatakan dalam laporan itu, antaranya:

**(1)** Sebanyak 10 unit alat bengkel kemahiran (harga perolehan RM63,380), 1 unit alat muzik (RM1,495), 2 unit periuk (RM7,800) dan 1 unit mesin jahit butang (RM6,167) tidak digunakan kerana pelbagai sebab seperti ketiadaan tenaga pengajar dan tidak menepati keperluan.

Periuk - Kualiti Range 36" di Kompleks Darul Kifayah yang dibeli misalnya terlalu besar berbanding dapur untuk meletakkannya.

Justeru, pihak audit berkata, sekiranya aset itu tidak diperlukan, ia perlu dijual dengan segera supaya tiada kemerosotan nilai berlaku.

**(2)** Semakan terhadap fail kehilangan MAIWP mendapati berlaku kehilangan aset sebanyak 21 unit bernilai RM45,789, antaranya melibatkan peralatan komputer dan kamera.

Terdapat juga prosedur kehilangan yang tidak dipatuhi seperti kehilangan tiga motorsikal Honda C1004 yang tiada tindakan susulan.

**(3)** Terdapat pembelian minyak yang meragukan. Berdasarkan laporan butiran belian minyak yang dikeluarkan syarikat minyak pada tahun 2007 hingga 2009 didapati pengisian minyak bagi 4 kenderaan dibuat dalam selang masa yang tidak munasabah dan kos pengisian yang meragukan.

Sebagai contoh, sebuah kenderaan selepas mengisi minyak RM2 dalam tempoh empat minit kemudian mengisi sebanyak RM134.95.

**(4)** Pembelian minyak melebihi kapasiti tangki. Menurut spesifikasi Proton Waja 1.6, kapasiti penuh minyak kereta adalah 60 liter. Bagaimanapun semakan audit mendapati 7 transaksi pembelian sebanyak 78.13 liter, melebihi kapasiti penuh sebanyak 18.13 liter.

Tujuh transaksi berikut melibatkan RM1,050.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.  
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/146479>